



**Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia**

**PENGARUH KELUARGA DALAM PEMILIHAN KERJAYA  
DIKALANGAN REMAJA**

**Izuani Binti Ismail**

**HF  
538  
I98  
2009**

**Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian  
(Kaunseling)  
2009**

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Gred:

JUDUL : Pengaruh keluarga dalam pemilihan kerjaya  
dikalangan remajaSESI PENGAJIAN : 08/09Saya IZYANI ISMAIL  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

\*\* sila tandakan ( ✓ )

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD


(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☒

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

F-942 Kg. Bunting Dalam  
08400 Merbok KedahTarikh : 8/5/09Tarikh : 8/05/09

Catatan:

\* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD.

P KIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS



1000203799

**PENGARUH KELUARGA DALAM PEMILIHAN KERJAYA DIKALANGAN  
REMAJA**

**IZUANI BINTI ISMAIL**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian  
Kaunseling

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2009

Projek bertajuk 'Pengaruh Keluarga dalam Pemilihan Kerjaya dikalangan Remaja' telah disediakan oleh Izuani binti Ismail dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Kaunseling

Diterima untuk diperiksa oleh:



Muhamad Sophian Nazaruddin

Tarikh:

08/05/09

Gred

### Pengesahan Pelajar

Saya mengakui bahawa Projek Tahun Akhir bertajuk  
“Pengaruh Keluarga dalam Pemilihan Kerjaya dikalangan Remaja”  
ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali  
nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang  
tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

8/5/09

Tarikh



Izuani Ismail  
16347

## **PENGHARGAAN**

Kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya telah diberikan kekuatan, dan ketabahan hati untuk menyiapkan kajian ini sehingga ke noktah yang terakhir.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga didedikasikan khas untuk penyelia saya bagi kajian ini iaitu Drs. Muhamad Sophian Nazaruddin yang merupakan pensyarah dari Jabatan Kaunseling, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) yang telah banyak memberi tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan projek tahun akhir ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada partisipan kajian saya yang sudi memberi kerjasama kepada saya sepanjang pengumpulan data dilakukan. Semoga Allah sahaja yang dapat membalas jasa mumi partisipan kajian tersebut.

Jutaan penghargaan dan terima kasih juga kepada kedua orang ibu bapa saya iaitu Ismail bin Saidin dan Nasarah bt. Nyak Ali yang tidak putus-putus mendoakan kejayaan saya dan sentiasa memberi dorongan dan semangat yang tidak pernah putus di saat saya berada dalam keadaan tertekan.

Rakan-rakan juga ingin saya ucapkan ribuan terima kasih kerana sudi memberi tunjuk ajar, pandangan, idea dan pendapat semasa menjalankan kajian ini. Akhir sekali terima kasih turut ditujukan khas kepada individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
Penghargaan	iii
Jadual Kandungan	iv
Senarai Rajah	viii
Senarai Jadual	ix
Abstrak	xi
<i>Abstract</i>	<b>xii</b>

### BAB 1 – PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Kenyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Kerangka Konseptual	6
1.6	kepentingan Kajian	7
1.7	Definisi Istilah	8
	1.7.1 Pengaruh	8
	1.7.2 Keluarga	9
	1.7.3 Pemilihan	9
	1.7.4 Kerjaya	9
	1.7.5 Keputusan Pemilihan Kerjaya	9
	1.7.6 Remaja	10
1.8	Kesimpulan	11

### BAB 2 – SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0	Pengenalan	12
2.1	Penyelidikan Terdahulu	13
	2.1.1 Harapan Ibubapa	13
	2.1.2 Pekerjaan Ibubapa	14
	2.1.3 Jantina	14
	2.1.4 Ekonomi	15
	2.1.5 Sokongan	16
2.2	Teori Berkaitan	18
	2.2.1 Teori Roe	18
	2.2.2 Teori Pembelajaran Sosial	19
	2.2.3 <i>Cognitive Information Process</i>	20
2.3	Kesimpulan	21

### **BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	22
3.1	Reka Bentuk Kajian	23
3.2	Pengumpulan data	23
3.3	Lokasi	24
3.4	Persampelan	24
3.5	Analisis Data	25
3.6	Kaedah Menganalisis data	27
3.6	Etika Penyelidikan	27
3.8	Refleksiviti Kajian	29
3.9	Kesimpulan	30

### **BAB 4 – DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.0	Pengenalan	31
4.1	Demografi	32
4.2	Kerangka Dapatan	33
4.3	Jantina	33
4.3.1	Diri Sendiri	34
4.3.2	Keluarga	35
4.3.3	Kesimpulan	36
4.4	Harapan Ibubapa	36
4.5	Pekerjaan Ibubapa	38
4.5.1	Bidang Pekerjaan	39
4.5.2	Keadaan Pekerjaan	40
4.5.3	Persepsi Terhadap Pekerjaan	42
4.5.4	Kesimpulan	43
4.6	Sokongan	43
4.6.1	Fizikal	45
4.6.2	Psikologi	46
4.6.3	Rujukan	47
4.6.4	Kewangan	48
4.6.5	Kesimpulan	49
4.7	Ekonomi	50
4.8	Perbincangan	
4.8.1	Jantina	51
4.8.2	Harapan ibu bapa	52
4.8.3	Pekerjaan ibu bapa	53
4.8.4	Ekonomi	54
4.8.5	Sokongan	54
4.9	Kesimpulan	56



## **BAB 5 – RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.0	Pengenalan	57
5.1	Rumusan	58
5.2	Limitasi Kajian	61
5.3	Implikasi Kajian	
	5.3.1 Ibubapa	63
	5.3.2 Sekolah	63
	5.3.3 Kaunselor	64
5.4	Cadangan	65
5.5	Kesimpulan	67

<b>RUJUKAN</b>	68
----------------	----

## **LAMPIRAN**

Lampiran A: Borang Pemberitahuan dan Persetujuan Temubual	70
Lampiran B: Borang Izin Rakan Audio	73
Lampiran C: Soalan Temubual Semi-Struktur	74

## SENARAI RAJAH

### **Rajah 1.1**

Kerangka Konseptual Kajian	6
----------------------------	---

### **Rajah 2.1**

Faktor yang terlibat dalam pemilihan kerjaya	20
--	----

### **Rajah 3.1**

Kaedah Fenomenologikal Intepretatif (IPA)	26
---	----

### **Rajah 3.2**

Kaedah Menganalisis Data	27
--------------------------	----

### **Rajah 4.1**

Kerangka Dapatan	33
------------------	----

## SENARAI JADUAL

### Jadual 2.1

Jenis Hubungan Anak-Ibubapa didalam Teori Roe	18
---	----

### Jadual 4.1

Demografi Partisipan Kajian	32
-----------------------------	----

### Jadual 4.2

Subtema diri sendiri	34
----------------------	----

### Jadual 4.3

Subtema keluarga	35
------------------	----

### Jadual 4.4

Tema Harapan Ibubapa	37
----------------------	----

### Jadual 4.5

Subtema Bidang Pekerjaan	39
--------------------------	----

### Jadual 4.6

Subtema Keadaan Pekerjaan (a)	40
-------------------------------	----

### Jadual 4.7

Subtema Keadaan Pekerjaan (b)	41
-------------------------------	----

### Jadual 4.8

Subtema Persepsi Terhadap Pekerjaan	42
-------------------------------------	----

**Jadual 1.9**

Tema Sokongan	44
---------------	----

**Jadual 4.10**

Subtema Fizikal	45
-----------------	----

**Jadual 4.11**

Subtema Psikologi	46
-------------------	----

**Jadual 4.12**

Subtema Kewangan	47
------------------	----

**Jadual 4.13**

Subtema Rujukan	48
-----------------	----

**Jadual 4.14**

Tema Ekonomi	50
--------------	----

## ABSTRAK

### PENGARUH KELUARGA DALAM PEMILIHAN KERJAYA DIKALANGAN REMAJA

Izuani binti Ismail

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh keluarga di dalam pemilihan kerjaya terhadap seseorang remaja. Kajian ini merupakan satu bentuk kajian kes yang menggunakan kaedah temubual semi struktur bagi proses pengumpulan data dan hasil temubual dianalisis menggunakan pendekatan *Interpretative phenomenological analysis* (IPA). Terdapat lima orang partisipan kajian yang terlibat dalam kajian ini dan kelima-lima partisipan diperolehi melalui *purposive* dan *snowball technique*. Hasil dapatan kajian menyatakan bahawa, keluarga mempengaruhi pemilihan kerjaya yang dilakukan oleh remaja. Antara aspek yang mempengaruhi remaja ialah jantina, harapan ibubapa terhadap pekerjaan yang bakal disandang, pekerjaan ibubapa, ekonomi keluarga serta sokongan yang diberikan oleh keluarga kepada remaja. Kajian ini memberi pendedahan kaunselor tentang permasalahan yang dilalui oleh remaja ketika proses pemilihan kerjaya dilakukan. Kaunselor boleh bersiap sedia untuk menghadapi klien yang datang dengan isu kerjaya agar sesi yang bakal dijalankan berkesan serta klien dapat membuat pemilihan kerjaya yang tepat dalam hidup mereka.

## **ABSTRACT**

### **FAMILY INFLUENCES TOWARDS CAREER DECISION MAKING AMONG ADOLESCENT**

*Izuani binti Ismail*

*This study was conducted to explore and identify family influences towards career decision making among adolescent. This research is called case study research which using semi-structured interview as a medium to get the data from the participants. As a process of analyzing the data, the researcher was applied an interpretative phenomenological analysis (IPA). There are five participants involved in this research and all the participants were getting from snowball and purposive technique. The findings of this research are, family influences career decision making that have been made by the adolescent. The aspects that influences adolescent are gender, parent expectations toward their future career, parent's job, family's economy and support that have been given by the family. The implication of this study towards counsellor is this study will help counsellor to deal with clients who have career decision making issues. Counsellor can make a preparation to face a client, so that the session will be more efficient. Besides that, client can make the right decision making in their life.*

## **BAB I PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Bab ini membicarakan tentang latarbelakang kajian yang dijalankan oleh pengkaji, pernyataan masalah, objektif kepada kajian ini secara umum dan khusus, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian dan juga definisi konsep kajian ini.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Jika dahulu manusia mencari pekerjaan untuk menyediakan keperluan asas seperti makanan, minuman dan tempat tinggal bagi diri sendiri dan tanggungan tetapi pada abad ke 21 ini, kebanyakan mereka yang mencari pekerjaan adalah berdasarkan faktor-faktor tertentu bagi menjawab sesuatu pekerjaan itu. Dewasa ini, lazimnya remaja mempunyai kerjaya idaman. Malah sejak kanak-kanak lagi, mereka telah mula untuk bercita-cita menjadi seorang doktor, penyanyi atau pelakon. Namun tidak kurang yang sering bertukar cita-cita kerana dipengaruhi oleh persekitaran. Kaunselor dan pensyarah dari Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Hushim Salleh (n.d) berkata, kombinasi minat, kebolehan dan pengaruh suasana semasa adalah faktor utama dalam pemilihan sesuatu kerjaya. Petikan akhbar ada menyatakan:

*"Orang yang bercita-cita menjadi guru haruslah mempunyai minat yang mendalam terhadap kanak-kanak. Jika tidak, dia tentu akan menganiaya muridnya sendiri".*

Pekerjaan dan kerjaya mempunyai maksud yang berbeza. Menurut Niles & Harris-Bowlsbey (2002,dalam Sharf,2006) kerjaya adalah sesuatu yang dilakukan sepanjang hidup kita. Definisi pekerjaan dalam Herr & Cramer (1992) ialah sekumpulan kerja yang sama dijumpai dalam industri atau organisasi yang berlainan. Kerjaya dalam erti kata yang lain hanya wujud apabila manusia mencarinya (Super, 1985b, p.1, dalam Herr & Cramer,1992).

Pemilihan kerjaya dilihat sebagai satu tindakan merancang masa depan untuk mendapatkan peluang-peluang yang ada dengan tujuan memperkembangkan potensi diri dan membentuk perkembangan peribadi. Pemilihan kerjaya adalah satu proses yang panjang dalam kehidupan.



Miller-Tiedemen (1977) dalam Peterson, Sampson & Reardon (1991) mencadangkan empat peringkat dalam membuat keputusan pemilihan kerjaya iaitu *The Miller-Tiedemen Model*. Peringkat yang pertama ialah belajar mengenai masalah. Individu akan belajar untuk mengenalpasti masalah yang wujud. Seterusnya ialah peringkat memulakan penyelesaian dimana individu akan mula menyenaraikan alternatif yang wujud. Peringkat ketiga ialah melaksanakan penyelesaian yang telah ditemui dan peringkat yang terakhir ialah melihat semula penyelesaian tersebut samada berkesan atau tidak.

Dalam Model Katz pula, beliau telah mencadangkan bahawa keputusan pemilihan kerjaya dilakukan berdasarkan penentuan nilai. Mengkaji nilai dalam diri akan membantu individu tersebut mengenalpasti pekerjaan yang akan memaksimumkan kesedaran tentang nilai tersebut (Peterson, Sampson & Reardon, 1991). Individu akan berasa selesa dengan sesuatu pekerjaan yang sesuai dengan nilai yang mereka pegang.

Jika dilihat pada pendekatan pemilihan kerjaya yang dipelopori oleh Peterson dan rakan-rakan dalam Sharf (2006) iaitu pendekatan memproses maklumat kognitif (*cognitive information-processing approach*), terdapat empat tanggapan yang boleh diaplikasikan berkaitan dengan kerjaya. Tanggapan yang pertama ialah proses kognitif dan perasaan merupakan komponen yang penting dalam pemilihan kerjaya seperti kerisauan, kekeliruan, dan tekanan yang wujud. Kedua, untuk melakukan pemilihan kerjaya yang tepat, seseorang itu perlu kenal diri mereka sendiri serta dunia kerjaya seperti pengetahuan mengenai sesuatu pekerja. Ketiga, maklumat tentang diri dan dunia pekerjaan adalah sentiasa berubah dan yang terakhir dengan meningkatkan kebolehan memproses maklumat, individu dapat memperbaiki kebolehan menyelesaikan masalah.

Jika kita lihat, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi individu didalam membuat keputusan untuk memilih kerjaya didalam hidup. Menurut John Krumboltz dalam *Krumboltz's Learning Theory of career Counseling*, terdapat empat faktor yang mempengaruhi seseorang itu memilih kerjaya didalam hidup mereka. Faktor pertama ialah genetik pemberian dan kebolehan istimewa yang wujud dalam diri individu itu sendiri seperti pandai bermain muzik dan bernyanyi. Faktor kedua ialah peristiwa dan situasi sekeliling yang seringkali berada diluar kawalan individu. Antaranya ialah peluang pekerjaan yang wujud, tahap pendidikan yang diberikan, gaji dan juga polisi dan peraturan yang wujud. Seterusnya ialah pengalaman pembelajaran. Individu selalunya dipengaruhi oleh apa yang mereka pelajari secara rela atau paksa. Kemahiran pendekatan tugas adalah faktor terakhir dan termasuk dalam kemahiran menyelesaikan masalah, tindakbalas emosi dan tindakbalas pemikiran (Zunker, 2002).

Namun begitu, melalui sorotan-sorotan kajian lepas, dapatan menunjukkan kebanyakan faktor yang wujud dalam pemilihan kerjaya yang diperolehi adalah keluarga. Keluarga memainkan peranan yang penting dalam pemilihan kerjaya seseorang individu itu. Kajian yang telah dijalankan oleh Yuki Okubo, Christine J. Yeh, Pei-Ying Lin, Kotoko Fujita, and J. Mun-Yi Shea (2007) yang bertajuk '*The Career Decision-Making Process of Chinese American Youth*' menjumpai bahawa faktor yang mempengaruhi remaja Cina-Amerika membuat pemilihan kerjaya ialah ibubapa dan ianya merupakan faktor yang paling utama.

Teori Roe oleh Anne Roe menyatakan bahawa terdapat enam jenis hubungan antara anak dan ibubapa iaitu *protective, demanding, rejecting, neglecting, casual* dan *loving*. Jenis ini yang menentukan kecenderungan individu atau anak itu sendiri memilih kerjaya. Jika mereka berada dalam jenis *loving, protecting and demanding*, individu akan lebih suka pekerjaan yang melibatkan manusia manakala untuk jenis *rejecting, neglecting, and casual*, individu cenderung kepada kerjaya yang

melibatkan manipulasi objek atau benda (Roe & Siegelman, 1964, p.7, dalam Peterson, Sampson & Reardon, 1991).

Melihat kepada fenomena pengaruh ibubapa yang kuat terhadap pemilihan kerjaya yang dilakukan, pengkaji ingin mendalami mengenai peranan keluarga didalam proses memilih kerjaya. Pengkaji ingin mengetahui sejauh mana fungsi keluarga dalam pemilihan kerjaya seseorang itu.

## **1.2    Penyataan Masalah**

Isu pemilihan kerjaya sudah lama wujud didalam masyarakat kita. Apabila dilihat dalam kajian-kajian yang terdahulu mengenai faktor yang mempengaruhi pelajar membuat keputusan dalam pemilihan kerjaya, kebanyakannya mendapati bahawa ibubapa dan keluarga antara pengaruh paling kuat didalam pemilihan kerjaya seseorang individu itu.

Keluarga dan komuniti penting dalam membentuk pemilihan kerjaya dikalangan remaja (Ferry, 2006). Antara pengaruh ibubapa terhadap pemilihan kerjaya yang dilakukan ialah galakan dan harapan dari segi pengajian (Fisher, 1999). Ibubapa sangat menyokong keputusan yang dilakukan oleh anak-anak mereka. Remaja mendapat sokongan keluarga dari segi perancangan kerjaya, pengetahuan tentang diri sendiri dan orang lain, pemilihan kerjaya yang ingin dilakukan dan juga peralihan dari peringkat sekolah kepada kerjaya (Alliman-Brissett, 2004).

Kebanyakan kajian lepas yang dijalankan di negara-negara yang berbeza. Bagi memastikan keputusan itu boleh diguna pakai didalam budaya masyarakat Malaysia, pengkaji ingin mengkaji sendiri tentang kesahihan keputusan tersebut iaitu ibubapa dan keluarga memainkan peranan didalam pemilihan kerjaya seseorang itu.


### 1.3 Objektif Kajian

Mengenalpasti pengaruh keluarga didalam pemilihan kerjaya terhadap seseorang remaja.

### 1.4 Persoalan kajian

Apakah pengaruh keluarga di dalam pemilihan kerjaya terhadap seseorang remaja?

### 1.5 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian



## 1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini diharap dapat membantu para pelajar, guru sekolah, kaunselor sekolah, ibubapa dan juga pihak universiti. Melalui dapatan yang diperolehi, pelajar akan lebih berhati-hati dalam melakukan keputusan pemilihan kerjaya dan menitik beratkan faktor-faktor yang boelh mempengaruhi mereka.

Selain itu, mereka juga akan mendapat kesedaran dalaman tentang hal seperti apakah jaminan yang mereka perolehi jika memilih kerjaya berdasarkan desakan keluarga. Mereka akan lebih teliti serta bertindak dengan lebih serius didalam menentukan hala tuju hidup dan masa depan mereka.

Selain itu, melalui kajian ini akan memberi kesedaran yang wujud dalam kalangan ibubapa dimana mereka juga seharusnya lebih berfikiran positif terhadap masa depan anak-anak mereka sendiri dengan tidak terlalu mengongkong serta bertindak diktator terhadap anak-anak mereka.

Bagi guru sekolah, kajian ini dapat membantu mereka atau memberi idea kepada mereka iaitu para pelajar perlu diberi pendedahan tentang kerjaya dan minat dengan lebih awal sejak di bangku sekolah lagi agar pelajar tidak keliru dengan kerjaya yang mereka pilih.

Seterusnya, pihak universiti juga perlu memainkan peranan iaitu ketika pemilihan pelajar ke universiti. Mereka perlulah menitik beratkan hal-hal kelayakan dan kesesuaian pelajar dengan bidang yang di pohon, ini adalah untuk mengelakkan sebarang masalah yang timbul ekoran bidang yang diceburi tidak bersesuaian.

Kepentingan kajian ini kepada kaunselor pula ialah melalui hasil kajian, kaunselor dapat mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya

dikalangan remaja. Justeru itu, kaunselor mungkin dapat membincangkan perkara tersebut bersama dengan klien yang mempunyai isu kerjaya ini. Kaunselor juga akan mendapat gambaran tentang isu yang dibawa secara amnya apabila mengendalikan sesi kaunseling kerjaya.

## **1.7 Definisi Konsep**

### **1.7.1 Pengaruh**

#### **Konseptual**

Pengaruh adalah usaha yang dilakukan oleh seorang atau lebih didalam mengubah perangai, kepercayaan, persepsi, atau tingkahlaku seseorang atau sesuatu komuniti (Baron et al, 2006).

#### **Operasional**

Pengaruh yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah ibubapa dan ahli keluarga yang lain dimana mereka berperanan didalam mempengaruhi pelajar membuat keputusan pemilihan kerjaya didalam hidup mereka.

### **1.7.2 Keluarga**

#### **Konseptual**

Keluarga adalah orang yang secara biologi dan psikologinya berkaitan secara emosi, sejarah atau ikatan ekonomi dan juga sesiapa yang menerima mereka sebagai sebahagian daripada penghuni rumah itu sendiri (Gladding, 2002).

## **Operasional**

Keluarga menurut kajian ini ialah ahli didalam sesebuah keluarga itu termasuklah ibubapa yang telah memainkan peranan didalam pemilihan kerjaya ahli keluarga itu sendiri.

### **1.7.3 Pemilihan**

## **Konseptual**

Pemilihan adalah suatu tindakan atau proses memilih atau penentuan seperti persoalan atau kerisauan yang dilakukan dengan cara membuat pertimbangan. Ianya memerlukan penggunaan keseluruhan otak.

## **Operasional**

Pemilihan yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah keputusan yang dibuat oleh pelajar berkenaan dengan bidang yang diceburinya. Pemilihan ini dibuat ketika pelajar mengisi borang permohonan memasuki universiti dan ianya sering dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran dan dalaman.

### **1.7.4 Kerjaya**

## **Konseptual**

Kerjaya menurut Brown dan Isaacson (2000), dapat diterjemahkan sebagai jumlah keseluruhan pengalaman hidup termasuklah pendidikan, pekerjaan, aktiviti-aktiviti senggang, sosial, tanggungjawab dan keluarga. Menurut *National*

*Development Association* (Sears, 1982 dalam Sharf, 2006), kerjaya didefinisikan sebagai kerja seseorang dan aktiviti-aktiviti senggang sepanjang hidup seseorang itu.

### **Operasional**

Kerjaya menurut kajian yang dijalankan ialah bidang-bidang yang menjadi pilihan pelajar. Setiap pelajar memiliki bidang masing-masing yang telah dipilih pada awalnya.

### **1.7.5 Keputusan pemilihan kerjaya**

#### **Konseptual**

Keputusan pemilihan kerjaya adalah proses membuat pemilihan kerjaya berdasarkan pengalaman peribadi sendiri. Ianya mengenai memahami kebolehan, minat, dan nilai dan kombinasi keseluruhan elemen ini membentuk rangka kerja yang bermakna untuk kehidupan.

#### **Operasional**

Keputusan pemilihan kerjaya yang dimaksudkan didalam kajian ini ialah keputusan atau pemilihan yang dilakukan oleh pelajar itu sendiri mengenai bidang yang diceburi mereka ketika berada di universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi. Pemilihan kerjaya ini dilakukan berdasarkan beberapa faktor seperti keputusan akademik, dorongan ibubapa, guru dan rakan serta pengaruh media masa dan budaya.